

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 5 TAHUN 2025**

Tarikh : 27 Mei 2025 (Selasa)

Masa : 10.00 pagi - 12.30 tengah hari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN MEI 2025

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Mei 2025 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

LALUAN	TARIKH OPERASI	JUMLAH BAS
Laluan SJ03 (LRT Kinrara BK5 – SMK Bandar Puchong Jaya)	12 Mei 2025	3 buah (Elektrik)

Sementara itu, bagi Laluan SJ04 (KTM Serdang – Hospital Serdang) dan Laluan SJ05 (Taman Putra Permai – Taman Bukit Serdang) masih dalam proses akhir penilaian operasi daripada pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan maklumat terkini mengenai status terkini tarikh mula beroperasi akan dimaklumkan dalam masa yang terdekat oleh pihak syarikat.

- iii) Seterusnya, Datuk Bandar memaklumkan bahawa sesi pengauditan Penyata Kewangan MBSJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 sedang berlangsung bermula 14 Mei sehingga 20 Jun 2025. Pihak Auditor yang melaksanakan pengauditan adalah Tetuan Bal & Partners yang mewakili Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, semua Jabatan adalah diharapkan dapat memberi kerjasama yang terbaik sepanjang sesi pengauditan ini berlangsung bagi melancarkan proses pengauditan. Semoga MBSJ dianugerahkan Sijil Bersih bagi Penyata Kewangan tahun 2024.
- iv) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan berkenaan program Bengkel Muzik dan Tarian Kebudayaan Warisan MBSJ 2025 yang akan melibatkan 2 sesi seperti berikut :

Tarikh	Sesi 1 : 17 - 18 Jun 2025 (Selasa - Rabu)
	Sesi 2 : 5 - 6 Ogos 2025 (Selasa - Rabu)
Masa	8.00 pagi - 5.00 petang
Tempat	Kompleks 3K, Subang Jaya

Cadangan pengisian program akan melibatkan Asas Tarian Tradisional Melayu (Tarian Nasi Ambeng) dan Asas Persembahan Muzik Cempuling (Asas muzik cempuling, pengenalan peralatan muzik dan cara pengendalian alat muzik). Anggaran peserta seramai 108 orang melibatkan 27 buah sekolah rendah dan menengah. Maklumat lanjut boleh hubungi Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ.

- v) Datuk Bandar turut memaklumkan berkaitan demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-20 tahun 2025, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 1491 kes positif demam denggi. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 67.42% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di tahun 2024 iaitu sebanyak 4577 kes.

Terdapat lima (5) Lokaliti Hotspot pada minggu Epid ke-20 ini. Kawalan dan pencegahan demam denggi terus dijalankan di kawasan yang dilaporkan kes demam denggi bagi membendung penularan kes demam denggi seperti membuat pemeriksaan tempat pembiakan (PTP), semburan larvaciding, dan pengwasapan ('fogging').

Pendidikan kesedaran tentang demam denggi turut dijalankan di lokaliti-lokaliti berpotensi. Penduduk disarankan untuk membuat langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit serta gotong-royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan Aedes. Seterusnya, sekiranya terdapat simptom demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan segera.

Lokasi hotspot epid ke-20 melibatkan 5 lokasi iaitu di PJS 9/1 (Lagoon Perdana dan Rumah Kedai), Taman Kinrara (Jalan TK 2), USJ 8 (Subang Perdana Goodyear Court 5), Taman Kinrara (Jalan TK 4/1 - 4/12) dan Kampung Bukit Lanchong (Lorong Ikan Keli). Bagi lokaliti wabak tidak terkawal pula melibatkan kawasan SS 19/1, Subang Jaya.

- vi) Datuk Bandar mengambil kesempatan mewakili warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya AidilAdha yang akan disambut pada 7 Jun 2025 bersamaan 10 Zulhijjah 1446H.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2025

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2025 bertarikh 28 April 2025 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2025

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2025 bertarikh 28 April 2025 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2025 bertarikh 22 April 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2025 bertarikh 7 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2025 bertarikh 13 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2025 bertarikh 14 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.4 & m/s 8	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Kertas Cadangan bagi Tindakan Penguatkuasaan di bawah seksyen 31 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) terhadap Kilang Syarikat	Beliau memohon supaya MBSJ menangguhkan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 31, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) terhadap Kilang Syarikat Chip Ngai Engineering Works Sdn. Bhd. Beliau mencadangkan supaya satu perbincangan bersama

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Chip Ngai Engineering Works Sdn. Bhd	YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin, Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar dilaksanakan bersama agensi terlibat. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju supaya tindakan penguatkuasaan ke atas Kilang Syarikat Chip Ngai Engineering Works Sdn. Bhd. ditangguhkan sementara. Mesyuarat bersetuju untuk tidak melibatkan YB Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, satu perbincangan akan dibuat bersama agensi-agensi berkaitan seperti UPEN, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Jabatan Alam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Sekitar Negeri Selangor, Penasihat Undang-Undang serta agensi lain yang berkaitan bagi membincangkan isu tanah, isu bunyi, kacau ganggu, isu operasi dan lain-lain yang berkaitan. Perbincangan dengan agensi ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar. Tindakan: Jabatan Undang-Undang

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2025 bertarikh 14 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2025 bertarikh 15 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Tarmizi bin Lazim	Kawasan Saluran Paip Gas Petronas	Beliau meminta supaya MBSJ menghantar surat kepada pihak Petronas supaya memetakan semula saluran paip gas milik Petronas kerana terdapat perubahan laluan akibat daripada kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan oleh pelbagai pihak. Mohon semakan terperinci berkenaan kedudukan gerai Pembangunan Luar Bandar (PLB) adakah berada dalam jajaran rizab paip gas Petronas. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa semakan terperinci status tanah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				boleh dibuat di Pejabat Tanah Daerah Petaling serta boleh disemak melalui sistem EIS MBSJ. Mesyuarat bersetuju supaya Sistem EIS MBSJ dibuat penambahbaikan. Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar Jabatan Teknologi Maklumat diminta membuka akses supaya sistem EIS MBSJ boleh diakses oleh semua Ahli Majlis di bilik Ahli Majlis, Aras 1, Bangunan MBSJ. Tindakan: Jabatan Teknologi Maklumat
2.	Para 3.3 & m/s 2	Puan Lee Jen Uyin	Kios MBSJ	Beliau memaklumkan bahawa cadangan kajian dan reka bentuk bumbung kios Majlis adalah diusulkan oleh Puan Lee Jen Uyin dan bukan Puan Ng Seow Chen. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju supaya

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				pembetulan minit mesyuarat dilaksanakan. Tindakan: Jabatan Pelesenan

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2025 bertarikh 16 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 2	Puan Lee Jen Uyin	Taklimat Berkenaan Sistem Pengkalan Data Bersepadu 'Intelligent Road Asset Application' (I-RAA)	Beliau inginkan penjelasan samada sistem I-RAA ini akan diguna pakai di MBSJ atau tidak. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan MBSJ akan melantik InfraSel untuk menguruskan peruntukkan MARRIS di

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				pemetaan saliran di seluruh kawasan MBSJ. Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2025 bertarikh 19 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 2	Puan Lee Jen Uyin	Taklimat Berkenaan Perkhidmatan Bas Smart Selangor MBSJ 2025	Beliau memaklumkan ketidakpuasan hati penduduk terhadap isu perkhidmatan bas smart Selangor di kawasan MBSJ. MBSJ perlu menangani isu ini dengan cekap agar imej Majlis tidak terjejas. Maklum balas mesyuarat :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Mesyuarat bersetuju supaya satu pembentangan dan perbincangan dibuat melibatkan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), SKS Coachbuilders Sdn. Bhd., Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan serta Ahli Dewan Negeri (ADN) untuk membincangkan dan meneliti isu ini supaya dapat ditangani dengan berkesan. Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2025 bertarikh 21 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2025 bertarikh 22 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

**7.1 Kertas Pindaan Kepada Senaraian Nilai bagi Harta Tanah di dalam Kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk Dikuatkuasakan pada 1 Julai 2025
(Kertas Mesyuarat bil. 5/5/2025)**

Kertas mesyuarat ini telah disediakan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan dibentangkan oleh Puan Aida binti Omar , Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima Kertas Pindaan Kepada Senaraian Nilai bagi Harta Tanah di dalam Kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya. Pindaan Senaraian Nilai ini akan berkuatkuasa pada 1 Julai 2025 bagi senarai di bawah :

Bil.	Blok Perancangan (BP)	Bilangan Pegangan Berkadar	Nilai Tahunan (RM)	Kadar Taksiran %	Cukai Taksiran (RM)
1	BP 1 Subang Jaya USJ	17	3,405,000.00	4% & 5%	166,920.00
2	BP 2 Subang Hi-Tech	-	-	-	-
3	BP 3 Putra Heights	1	45,600.00	4%	1,824.00
4	BP 4 Kinrara	38	749,440.00	3%, 4% & 5%	36,834.80
5	BP 5 Puchong	102	1,691,290.00	3.5%, 4% & 5.5%	68,159.80
6	BP 6 Bandar Putra Permai	8	1,420,880.00	4% & 5%	65,015.20
7	BP 7 Seri Kembangan	3	194,160.00	4% & 5%	7,911.60
JUMLAH		169	7,506,370.00		346,665.40

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Thomas Low Yew Sin, Ahli Majlis daripada Parti DAP.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 28 Mei 2025

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”

Disediakan oleh;


(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;


(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

4. Puan Lee Jen Uyin - Ahli
Mesyuarat
5. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
6. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
7. Encik Thomas Low Yew Sin - "
8. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
9. Encik Chia Yew Ken - "
10. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
11. Puan Ng Seow Chen - "
12. Encik Thong Kim Fatt - "

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 13. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 14. | Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin | - | " |
| 15. | Tuan Ir. Balachandran Naicker | - | " |
| 16. | Encik Tey Han Cherk | - | " |
| 17. | Puan Suzanah Hanim Wong | - | " |
| 18. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 19. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 20. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 21. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 22. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 23. | Encik Khairol Basri bin M. Arif | - | " |
| 24. | Encik Saidin bin Awang | - | " |
| 25. | Encik Nanthakumar a/l Poapalan | - | " |
| 26. | Puan Sri Devi a/p Chenchiah | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

- | | |
|-----|---|
| 27. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 28. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang |

29. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
30. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
31. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CelO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
32. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
33. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
34. Tuan Hj. Affandi bin Hj. Jaafar
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
35. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K
Pengarah, Jabatan Hasil
36. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
37. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
39. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Pengarah, Unit Audit Dalam
40. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB

41. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
42. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaali
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
43. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
44. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti
45. Encik Mohd Reyza bin Mazlan
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Mohd Kamil bin Basir
Juruukur Bangunan, Jabatan Bangunan
47. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

URUS SETIA

48. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
49. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
50. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Pravin a/l Murali - Ahli Majlis
2. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
3. Cik Haslinda binti Mohd Rantam, A.I.S
Pengarah, Jabatan Bangunan

